

31 JUL 1999

Kadir-pelancongan

SEMUA PROGRAM PELANCONGAN KERAJAAN NEGERI DISELARASKAN

PULAU PINANG, 31 Julai (Bernama) -- Program dan karnival yang berkaitan dengan pelancongan anjuran kerajaan-kerajaan negeri akan diselaraskan dan diadakan secara serentak di seluruh negara mulai tahun depan.

Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata sambutan serentak itu adalah sebagai usaha mewujudkan satu musim percutian dan membeli-belah di negara ini.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan dan Penggalakan Pelancongan Kebangsaan di sini, beliau berkata program pelancongan itu termasuk karnival membeli-belah dan pesta di negeri masing-masing, yang sebelum ini dianjurkan pada waktu yang berlainan.

"Menerusi keseragaman itu, para pelancong dapat mengetahui masa yang terbaik untuk membeli-belah di negara ini di samping menyaksikan pelbagai pesta," katanya.

Beliau berkata kerajaan juga sedang meneliti untuk mengecualikan cukai import dan cukai jualan bagi barangan tertentu sempena karnival membeli-belah yang diadakan secara besar-besaran secara serentak di seluruh negara itu.

Karnival membeli-belah itu mungkin diadakan sebanyak empat kali setahun sebagai usaha menjadikan Malaysia "syurga membeli-belah", katanya.

Kadir berkata sebelum ini, pelbagai program pelancongan terutamanya karnival membeli-belah diadakan secara berasingan mengikut jadual negeri masing-masing dan ia menyebabkan musim membeli-belah di negara ini menjadi tidak teratur.

Katanya pada mesyuarat hari ini, kerajaan-kerajaan negeri bersetuju melancarkan kempen menarik pelancong tempatan secara serentak sempena sambutan Pesta Malaysia pada 11 Sept ini.

Kempen itu, yang akan dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mengalakkan rakyat bercuti dan melancong di dalam negara.

"Kerajaan-kerajaan negeri juga telah diminta menganjurkan pesta air selama dua minggu dan mewujudkan kawasan perkhemahan untuk rakyat tempatan melancong secara berkhemah," katanya.

Terdahulu ketika merasmikan mesyuarat berkenaan, Kadir meminta kerajaan-kerajaan negeri membelanjakan peruntukan pembangunan pelancongan yang disediakan oleh kerajaan pusat seperti yang dirancangkan.

Katanya walaupun kerajaan pusat menyediakan peruntukan lebih RM598 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, hanya RM281 juta atau 47 peratus sahaja yang dibelanjakan oleh kerajaan-kerajaan negeri.

Bagi tahun ini, kerajaan pusat menyediakan RM85.2 juta dan kerajaan-kerajaan negeri setakat ini, hanya membelanjakan RM14.9 juta atau 18 peratus daripadanya.

Beliau meminta kerajaan-kerajaan negeri supaya berkerjasama untuk memantau kemajuan projek-projek pelancongan agar perlaksanaannya dapat dipercepatkan di samping mengenalpasti produk-produk baru pelancongan di negeri masing-masing.

-- BERNAMA

AA NAK